

02/05/1997

Dr M selamat tiba di Malawi

Haniff Hadi in Blantyre (Malawi)

BLANTYRE (Malawi), Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini, dalam rangka lawatan dua hari ke Republik Malawi untuk meningkatkan silaturahim dan memperkukuhkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang, khususnya perdagangan.

Perdana Menteri dan rombongan disambut oleh Presiden Republik Malawi, Dr Bakili Muluzi di Lapangan Terbang Chileka.

Dr Mahathir akan memulakan atur cara lawatannya esok dengan pertemuan empat mata bersama Dr Muluzi diikuti perbincangan peringkat pegawai kerajaan kedua-dua negara.

Pegawai-pegawai berkata, antara perkara yang dijangka disentuh dalam pertemuan itu ialah soal perhubungan udara, perdagangan, komunikasi dan bidang kerjasama lain yang boleh diteroka bersama. Hubungan perdagangan antara kedua-dua negara tahun lalu mencecah RM2.55 juta.

Republik Malawi juga berminat mempelajari kejayaan Malaysia dalam banyak hal, antaranya persyarikatan Malaysia dan penswastaan.

"Mereka tahu Malaysia mencapai kemajuan dalam tempoh singkat dan mereka ingin tahu bagaimana cara Malaysia melakukannya," kata mereka.

Dr Mahathir juga dijadual melakukan upacara pecah tanah bagi projek pembinaan rumah murah dan hotel di sini. Projek itu dikendalikan oleh syarikat Malaysia, G-Two Holdings Bhd.

Menurut Pengerusi Eksekutif G-Two Holdings Bhd, Datuk Lim Huah Leong, G-Two adalah syarikat Malaysia pertama yang melabur di Republik Malawi.

"Kami akan membina hotel bertaraf lima bintang 18 tingkat kerana kami dapati di sini tiada hotel sedemikian. Kami juga membina rumah murah di sini kerana kami dapati tidak ada kemudahan sedemikian di negara ini."

"Sebagai menghargai jasa kerajaan Republik Malawi memberi kami peluang untuk melabur, kami akan memperuntukkan 100 rumah murah secara percuma kepada rakyat Malawi. Itu adalah tanggungjawab sosial kami kepada mereka," katanya.

G-Two Holdings Bhd juga berhasrat untuk terbabit dalam beberapa projek lain, termasuk pembinaan lebuh raya dari Blantyre ke Lilongwei.

Dr Mahathir kemudiannya akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Blantyre dan sesudah itu akan menghadiri dialog dengan ahli perniagaan Malawi di Hotel Mount Soche.

Perdana Menteri akan turut melawat rangkaian telekom pada sebelah petang untuk melihat kemudahan sistem telekomunikasi negara ini dan sesudah itu akan meninjau Pusat Sivik Dewan Bandaraya Blantyre.

Beliau juga akan diraikan dalam majlis makan malam yang dianjurkan oleh Dr Muluzi.

Dr Mahathir yang berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Aziz Shah di Subang hari ini, akan juga melawat Botswana yang mempunyai perdagangan dengan Malaysia bernilai RM1.35 juta pada tahun lalu.

Beliau kemudiannya melawat Afrika Selatan dan dijadual menerima anugerah tertinggi negara itu Order of Good Hope daripada Presiden Nelson Mandela.

Afrika Selatan adalah rakan dagang utama Malaysia di Afrika dengan perdagangan dua hala mencapai RM544 juta.

Malaysia disifatkan sebagai pelabur Asia paling cergas di negara paling selatan di benua Afrika.

Turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr Wan

Azizah Wan Ismail serta Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan, Maite E Mohale.
(END)